

# BN yakin menang besar

UM 11 NOV 1999

**P**UTRAJAYA 10 Nov. — Barisan Nasional (BN) yakin akan mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya ini malah mampu merampas Kelantan ekoran tindak-tanduk pemimpin pembangkang yang sanggup mengorbankan prinsip perjuangan mereka malah kepentingan orang Melayu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat semakin sedar mengenai tindak-tanduk pakatan pembangkang termasuk Pas yang hanya bijak menabur janji yang mereka sendiri sukar melaksanakannya.

Menurut beliau lagi, rakyat juga tidak dapat lagi menerima tindakan pihak pembangkang yang semakin keterlaluan dalam memperalatkan agama termasuk mencemarkan institusi masjid demi mencapai cita-cita mereka.

Mengambil contoh Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Dr. Mahathir menjelaskan bahawa pemimpin Pas seperti Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sekarang ini juga semakin keliru dalam meletakkan arah perjuangan sebenar parti tersebut.

Bercakap pada sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri di sini selepas mengumumkan keputusan beliau untuk membubarkan Parlimen, esok, Perdana Menteri berkata: "Pas sanggup melakukan apa saja asalkan mendapat so-

kongan daripada rakyat dan parti yang berada dalam pakatan pembangkang terutama DAP."

Malah, Dr. Mahathir melahirkan kehairanannya kerana para pemimpin Pas seperti Menteri Besar Kelantan itu sanggup "membuang" prinsip dan perlembagaan parti itu hanya kerana tunduk kepada kehendak parti pimpinan Lim Kit Siang.

"Datuk Nik Aziz melalui kenyataan dan tindak-tanduknya sejak akhir-akhir ini seperti sudah menggugurkan, mengoyak-ngoyak dan membuang perlembagaan Pas dan boleh berbuat sesuka hatinya.

"Yang kita hairan, apa saja yang DAP nak, dia dan pemimpin lain Pas akan layan," tegasnya ketika menjawab pertanyaan sama ada BN boleh menawan semula Kelantan dari Pas.

Menurut Dr. Mahathir, berdasarkan perkembangan terkini yang berlaku itu beliau percaya rakyat negara ini termasuk di Kelantan sudah sedar bahawa Pas bukanlah parti yang boleh dipercayai untuk membawa kesejahteraan dan kemakmuran kepada negara dan rakyat.

Tambahnya, rakyat juga semakin sedar mengenai perjuangan sebenar Pas yang hanya bijak memperalatkan agama dan melautkan slogan Islam untuk mengelabui mata orang ramai.

"Malah, rakyat semakin sedar bahawa Pas tidak akan mampu menjadi sebuah parti yang dapat membela nasib mereka kerana pemimpinnya sendiri sering mengubah-ubah pendirian dan sanggup mengorbankan prinsip.

"Parti seperti ini tidak akan mampu menjadi parti yang dapat memperjuangkan nasib rakyat jelata dan menjadi pemerintah yang baik," tegas beliau lagi.

Mengulas bahawa parti pembangkang sering melayangkan mereka sebagai parti alternatif, Dr. Mahathir yang juga Presiden BN menegaskan, sebenarnya tidak wujud parti alternatif tetapi "barisan berpecah alternatif".

## Bercakaran

"Sebenarnya tidak ada persefahaman di antara parti-parti pembangkang dalam barisan alternatif dan mereka nanti akan bercakaran sesama sendiri... percayalah," tegasnya.

Ditanya pakatan pembangkang mencabar BN untuk bertanding atas dasar 'satu lawan satu', Perdana Menteri berkata:

"Bukan satu lawan satu tetapi ia nampak satu lawan satu. Sebenarnya dasar itu, mereka sendiri tidak akan patuhi kerana mereka akan menyabotaj sesama sendiri.

"Mungkin ada parti pembangkang akan meletakkan calon lain untuk memastikan ia dapat menga-

lahkan rakannya sesama pakatan pembangkang."

Ditanya sama ada janji-janji dalam manifesto barisan alternatif akan dapat memikat pengundi muda, Dr. Mahathir berkata: "Mereka akan janjikan bulan, matahari dan segala-galanya kerana mereka tahu mereka akan kalah. Kita tidak membuat janji-janji yang kita tidak dapat tunaikan."

Katanya rakyat perlu ingat bahawa parti lawan pernah berjanji akan memberikan jawatan Timbalan Menteri Besar kepada Parti Melayu Semangat 46 sekiranya ia menang di Kelantan untuk menarik sokongan parti itu tetapi ia tidak menunaikannya setelah menang.

Menurutnya kerana itu Parti Melayu Semangat 46 kecewa dan tidak lagi mahu bersama-sama Pas tetapi telah menyertai UMNO semula.

Ketika ditanya sama ada beliau cuba mengelak daripada 650,000 pengundi baru yang hanya layak memilih awal tahun depan, Dr. Mahathir menegaskan: "Tidak ada sebab saya mahu mengelak mereka. Mereka adalah pengundi, kita tidak mengelak daripada pengundi, kita berdepan dengan mereka setiap hari. Maka, kita tidak elak mereka."